



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 (14) 04/03

MAJLIS RAMAH MESRA YB MENTERI PERTAHANAN BERSAMA WARGA TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA (TUDM)

1. **SELANGOR, 14 Mac 2024** - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin hari ini telah menghadiri Majlis Ramah Mesra bersama warga Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bertempat di Masjid Al-Muhajirin, Pangkalan Udara (PU) Subang Shah Alam.
2. Terdahulu, YB Menteri Pertahanan melaksanakan lawatan ke tapak penyelenggaraan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) di Blok G2 bagi meninjau keadaan kediaman dan persekitaran yang didiami oleh Warga Kerja Pertahanan serta keluarga.
3. Ketibaan YB Menteri Pertahanan disambut oleh Panglima Tentera Udara; Jeneral Tan Sri Dato' Sri Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM, Panglima Operasi Udara; Leftenan Jeneral Datuk Mohd Shahada bin Ismail TUDM, Asisten Ketua Staf Perancangan dan Pembangunan; Mejar Jeneral Dato' Muhammad Tarminzi bin Hj Mustapha TUDM dan beberapa Pegawai Kanan TUDM.
4. Satu sesi taklimat telah disampaikan oleh Ketua Cawangan Senggaraan Kompleks PU Subang, Mejar Mohd Fadzree bin Ismail TUDM kepada YB Menteri Pertahanan dan delegasi bertempat di Blok G2.
5. Seusai taklimat, YB Menteri Pertahanan telah dibawa untuk melawat dan melihat sendiri kondisi serta keadaan persekitaran semasa bangunan Blok G2 yang didiami warga penghuni. Sebanyak 84 unit rumah terlibat di dalam pembaikan yang meliputi skop pembaharuan cat, pembaikan biasa dan pembaikan one-off bagi sebuah unit rumah yang mengalami kebakaran.
6. Seterusnya, YB Menteri Pertahanan menghadiri majlis ilmu di Masjid Al-Muhajirin dengan menghayati tazkirah Ramadan yang disampaikan oleh Prof Madya Dato' Dr Mohd Izhar Ariff. YB Menteri Pertahanan kemudiannya meluangkan masa beramah mesra dengan warga TUDM di PU Subang yang merupakan lokasi pertama beliau bersama warga ATM dalam majlis berbuka puasa tahun ini.
7. Majlis bermula dengan YB Menteri Pertahanan menyantuni warga TUDM dan menyempurnakan penyampaian sumbangan kebajikan kepada 20 orang warga TUDM. Penerima-penerima sumbangan tersebut adalah terdiri daripada dua (2) kategori penerima iaitu kategori anak-anak istimewa (Orang Kurang Upaya) dan pesakit kronik yang terdiri daripada warga TUDM dan anak anggota. Sumbangan tersebut merupakan inisiatif dalam membantu meringankan beban kepada mereka yang memerlukan khususnya warga ATM dalam suasana menyambut Ramadan.
8. YB Menteri Pertahanan seterusnya menyampaikan *mock cheque* peruntukan keseluruhan Senggaraan RKAT TUDM bagi tahun 2024 berjumlah RM69.5 juta kepada Panglima Tentera Udara serta peruntukan Senggaraan RKAT dan Blok Penginapan PU Subang bagi tahun 2024 berjumlah RM7.01 juta kepada Komander PU Subang, Kolonel Yusri bin Jamari TUDM.

9. Kementerian Pertahanan sentiasa menumpukan tekad kepada usaha besar meliputi kebajikan dan kemaslahatan warganya. Aspek kebajikan warga ATM adalah menjadi teras utama yang dititikberatkan dalam menjamin tahap kesejahteraan warga sentiasa terpelihara dan memiliki moral yang tinggi dengan kualiti hidup yang sejahtera.
10. Selepas berbuka puasa, YB Menteri Pertahanan bersama-sama warga TUDM menunaikan solat Maghrib, Isyak serta solat sunat Tarawih dan Witir secara berjemaah yang diimamkan oleh Leftenan Kolonel Salahuddin bin Safeie, Pegawai Staf 1 Agama, Markas Tentera Udara dan Leftenan Kolonel Ahmad Basri bin Abdullah, Pegawai Agama Kanan PU Subang. Majlis berakhir dengan jamuan Moreh sebagai penutup majlis sempena Ramadan bersama warga TUDM tahun ini.
11. Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pertahanan; YB Adly bin Zahari, Panglima Angkatan Tentera; Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab Rahman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan); Dr. Mohd Bakhari bin Ismail, pegawai-pegawai kanan TUDM serta warga TUDM khususnya dari PU Subang dan sekitar kawasan Lembah Klang.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia

14 Mac 2024